

# **SISTEM KALENDAR MASYARAKAT ARAB SEBELUM DAN SESUDAH KEDATANGAN ISLAM**

oleh  
Firdaus bin Yahya, Ph.D  
Pengurus, Darul Huffaz Learning Centre  
Disember 2021 / Jamadil Awal 1443

## **PENGENALAN**

Kalendar ada dua jenis: Suria dan Qamari.

Kalendar Suria berasaskan dengan orbit Bumi mengelilingi Matahari. Setahun ada 365 hari pada tahun-tahun biasa dan 366 hari pada tahun-tahun lompat. Ini adalah kerana Bumi mengambil masa selama 365.2421 hari untuk membuat satu orbit mengelilingi Matahari.

Kalendar Qamari pula berasaskan orbit Bulan mengelilingi Bumi. Setiap pusingan mengambil masa selama 29 atau 30 hari. Ini adalah kerana setiap orbit jenis sinodik mengambil masa 29.53 hari. Dengan ini, dua belas orbit Bulan mengambil masa 354 atau 355 hari.

Maka perbezaan antara setahun Suria dan Qamari adalah selama 10, 11 atau 12 hari.

Kalendar Suria diperkenalkan oleh Tamadun Mesir manakala Kalendar Qamari diperkenalkan oleh Tamadun Babilon.

Kedua-dua jenis kalendar ini ada kelebihan dan kelemahannya. Kelebihan ketara kalendar Suria ialah bulan-bulannya mengikut peredaran musim. Manakala kelemahannya ialah penetapan bulan tidak mengikut peredaran Bulan.

Kelebihan ketara kalendar Qamari pula ialah 12 bulannya mengikut peredaran Bulan di langit. Maka mudah untuk manusia tahu tarikh bagi bulan tertentu. Manakala kelemahannya ialah ia tidak selari dengan peredaran musim.

Oleh kerana kedua-dua jenis kalendar ini ada kelemahan dan kekurangan, maka Tamadun Babilon memperkenalkan juga jenis kalendar yang mengabungkan kedua-duanya. Jenis ini dinamakan sebagai Kalendar Qamari-Suria.

Oleh kerana perbezaan antara setahun Suria dan setahun Qamari ialah 11 hari secara ghalibnya, maka setelah 3 tahun, bilangan perbezaan hari itu jadi 33 hari. Ini hampir dengan bilangan hari dalam sebulan bagi kedua-dua kalendar Suria dan Qamari: 30 hari. Maka, setiap 3 tahun, bilangan bulan bagi setahun Qamari ditambah satu menjadikannya 13 bulan. Ini dilakukan agar tahun Qamari tidak terus berkurangan daripada tahun Suria sehingga nanti bulan-bulannya tidak selari dengan peredaran musim. Apabila ditambah sebulan setiap 3 tahun Qamari, bulan-bulan Qamari akan bertepatan dengan musim.

Kalendar Qamari-Suria ini digunakan oleh hampir semua tamadun awal manusia termasuk orang-orang Yahudi dan orang-orang Arab.

## **KEGIATAN EKONOMI ORANG ARAB**

Keadaan alam di Semenanjung Tanah Arab memaksa orang-orang Arab menyusun kegiatan ekonomi dan perdagangan mereka mengikut tiupan angin dan musim.

Pada pertengahan setiap tahun Suria, iaitu antara Jun hingga Julai, angin bertiup dari arah timur ke barat di Laut Mediterranean. Maka kedua-kedua bulan tersebut menyaksikan banyak kapal di perlabuhan kawasan Syam dan Gaza, menunggu membawa muatan dagangan mereka ke negara-negara sebelah barat. Beberapa perayaan bagi dewa-dewa yang disembah oleh orang Arab dan beberapa pasar besar diadakan di kawasan situ untuk ambil peluang kehadiran ramai manusia pada dua bulan tersebut.

Pada penghujung setiap tahun Suria pula, angin bertiup dari arah India ke Semenanjung Tanah Arab. Maka banyak kapal berlabuh di negara Yemen dan Oman membawa barang dagangan. Sekali lagi, pasar-pasar dibuat untuk ambil peluang ekonomi ini. Kota San'a dan Aden merupakan pusat dagangan untuk orang Arab pada Musim Dingin.

Pada Musim Bunga pula, orang-orang Arab mengadakan perayaan bagi beberapa dewa besar mereka di kawasan Hijaz. Serentak dengan itu, mereka juga adakan pasar-pasar besar seperti pasar Ukaz di Taif, Zul Majaz di Arafah dan Majanna di luar kota Mekkah.

Pada Musim Luruh pula, mereka mengadakan perayaan dan pasar-pasar besar di kawasan Teluk Parsi. Antaranya ialah pasar Musaqqar.

Maka aktiviti ekonomi orang-orang Arab berkisar dan berputar dari utara di Syam pada Musim Panas, kepada timur di persisiran laut Teluk Parsi pada Musim Luruh, kepada selatan di Yemen pada Musim Dingin, dan akhirnya di barat di kawasan keliling Mekkah pada musim bunga.

Oleh kerana kedudukan Mekkah di pertengahan perjalanan antara selatan dan utara, orang-orang Quraisy mengambil kesempatan ini untuk menjadi penghubung perdagangan antara kedua-dua kawasan tersebut. Mereka ke Syam pada Musim Panas. Dengan barang yang dibeli di sana, mereka bawa pula ke selatan di Yemen pada Musim Dingin untuk berniaga. Sekebalnya mereka daripada Syam, mereka menjalankan perniagaan mereka di pasar-pasar besar yang dibangunkan ketika pada Musim Bunga setiap tahun.

Aktiviti perniagaan mereka ini dirakamkan oleh Allah s.w.t dalam surah Quraisy:

*Kerana kebiasaan orang-orang Quraisy, (yaitu) kebiasaan mereka berjalan pada musim dingin dan musim panas.*

## **PENETAPAN BULAN QAMARI**

Memandangkan pasar-pasar di kawasan Hijaz berlaku pada Musim Bunga, maka orang Arab ketika itu memutuskan untuk mengadakan musim haji pada Musim Bunga. Ini akan menjadikan barang dagangan mereka lebih laris dengan kehadiran orang Arab dari seluruh pelusuk tanah Arab untuk pekerjaan haji mereka. Maka orang Arab menetapkan bahawa bulan Zulhijjah hanya berlaku pada bulan March sahaja.

Oleh kerana Zulhijjah ialah bulan terakhir dalam kalender orang Arab, bulan pertama mereka, Muharram, berlaku pada bulan April. Memulakan awal tahun pada bulan April juga merupakan amalan tamadun-tamadun lain. Tamadun Mesir Purba sebagai contoh memulakan tahun baru mereka selepas berlakunya ekuinoks pada bulan March. Orang-orang Yahudi juga menyambut perayaan keagamaan mereka yang paling penting dalam bulan April.

Oleh kerana ramai orang Yahudi yang tinggal bersama-sama dengan orang Arab, maka tidak mustahil bahawa penentuan musim haji pada bulan March dan kemudian awal tahun pada bulan April adalah untuk selari juga dengan perayaan masyarakat-masyarakat lain seperti masyarakat Yahudi.

Jadual berikut menyenaraikan bulan-bulan dalam kalender Arab mengikut bulan-bulan dalam kalender Julian:

Muharram	April
Safar	Mei
Rabiul Awal	Jun
Rabiul Akhir	Julai
Jamadil Awal	Ogos
Jamadil Akhir	September
Rejab	Oktober
Syaaban	November
Ramadan	Disember
Syawal	Januari
Zulkaedah	Februari
Zulhijjah	March

## **SISTEM KALENDAR QAMARI-SURIA ORANG ARAB**

Oleh kerana perbezaan antara kalender Qamari dan Suria adalah selama 11 hari, maka orang Arab menambah bulan yang ketiga-belas pada setiap 3 tahun Qamari mereka.

Puak Bani Kinanah diberikan amanah untuk menetapkan bilakah penambahan ini dilakukan. Orang yang dilantik dari kalangan mereka untuk membuat pengumuman berkenaan dinamakan sebagai Qalmasah. Dan penambahan ini dinamakan sebagai Nasi'ah (penambahan).

Pada setiap musim haji, Qalmasah yang dilantik akan buat pengumuman sama ada tahun berikutnya adalah tahun biasa (12 bulan) atau tahun Nasi'ah/Kabisah (13 bulan). Jika ia tahun Nasi'ah, maka bulan tambahan itu diletakkan sebelum atau sesudah Muharram. Sebahagian pengkaji, seperti Ibn Hisyam, menyatakan bahawa nama bulan tersebut adalah Safar I. Safar II adalah bulan Safar selepas Muharram.

Dengan cara ini, bulan yang terpenting dalam kalendar Arab iaitu Zulhijjah, sentiasa jatuh dalam bulan March.

### **NAMA-NAMA BULAN DALAM KALENDAR ARAB**

Sebahagian nama-nama bulan dalam kalendar Arab memberi isyarat waktu ia diberikan nama. Bulan-bulan tersebut ialah:

Rabiul Awal & Rabiul Akhir	Musim Bunga. Daripada perkataan <i>rabi'</i> yang bermaksud Musim Bunga. Oleh kerana Musim Bunga berpanjangan daripada Februari hingga March, maka dua bulan diberikan nama yang sama.
Jamadil Awal & Jamadil Akhir	Daripada perkataan <i>jamad</i> yang bermaksud keras. Ini mungkin menunjukkan keadaan di mana tanah jadi semakin keras apabila air yang bertakung sebelumnya kering. Ini mungkin menujukkan waktu di mana air hujan yang turun pada waktu Musim Bunga semakin kering kerana Musim Panas mula menjengah.
Ramadan	Pertengahan Musim Panas. Daripada perkataan <i>ramad</i> yang bermaksud batu yang dipanaskan.
Syawal	Musim unta mengawan. Syawal bermaksud perbuatan unta mengangkat ekornya sebagai isyarat ingin mengawan. Unta di kawasan Timur Tengah biasanya mula mengawan ketika mula Musim Luruh apabila cuaca panas semakin reda. Ini berlaku pada akhir Ogos dan awal September.

Walau bagaimapun, bulan-bulan dalam kalendar Arab pada zaman Rasulullah s.a.w tidak mencerminkan musim ia berlaku. Ini menunjukkan bahawa nama-nama bulan tersebut tidak diberikan pada zaman Rasulullah s.a.w.

Mengikut Ibn Batuta dalam bukunya bernama Kitab al-Athar al-Baqiyah (mukasurat 16), orang Arab mula menggunakan sistem kalendar Qamari-Suria kira-kira 200 tahun sebelum Hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah. Sebelum itu, mereka menggunakan sistem kalendar Qamari sahaja.

Ini bermakna 200 tahun sebelum Hijrah Rasulullah s.a.w, kemungkinan nama-nama bulan itu selari dengan musim yang empat. Tetapi sekiranya orang Arab mula memasukkan bulan ketiga-belas pada setiap tiga tahun untuk memastikan bulan-bulan mereka tidak selisih dengan musim yang empat, tidakkah ia bermakna kedudukan bulan dalam kalendar Arab pada zaman Rasulullah s.a.w sama seperti 200 tahun dahulu?

Keadaan ini pasti berlaku sekiranya perselisihan antara setahun Qamari dan setahun Suria ialah 10 hari. Tetapi biasanya, perselisihan tersebut ialah 11 hari. Ini bermakna, tambahan bulan ketiga-

belas selepas setiap tiga tahun Qamari yang mengandungi 30 hari memaksa pengguguran sebanyak 3 hari kerana selisih 11 hari setiap tahun akan jadi 33 hari selepas tiga tahun. Selepas 200 tahun berlalu, bilangan hari yang tidak dikira itu bertambah jadi 200 hari.

Maka tanpa disedari, bulan pertama dalam tahun kalender Arab, iaitu bulan Muharam, akan terkebelakang sebanyak 200 hari, atau 6 bulan lebih, selepas 200 tahun berlalu.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, bulan Muharam jatuh pada sekitar bulan April. Maka 200 tahun sebelumnya, bulan Muharam jatuh 6 bulan kemudian, iaitu sekitar bulan Oktober/November.

Maka kita boleh dapat gambaran susunan bulan dalam kalender Arab 200 tahun sebelum Hijrah Rasulullah s.a.w dan ia seperti berikut:

Muharram	Oktober/November
Safar	November/Disember
Rabiul Awal	Disember/Januari
Rabiul Akhir	Januari/Februari
Jamadil Awal	Februari/March
Jamadil Akhir	March/April
Rejab	April/Mei
Syaaban	Mei/Jun
Ramadan	Jun/Julai
Syawal	Julai/Ogos
Zulkaedah	Ogos/September
Zulhijjah	September/Oktoper

Jelas di sini bahawa nama-nama bulan ini tidak diberikan kira-kira 200 tahun sebelum Hijrah, tetapi jauh lebih awal dari itu. Ini adalah kerana bulan Rabiul jatuh pada Musim Dingin. Memandangkan kalender Arab asalnya ialah jenis Qamari, maka kemungkinan penamaan bulan-bulan dalam kalender Arab ini berlaku lebih kurang 30 tahun sebelumnya. Ini adalah kerana bulan Qamari akan terkebelakang 10 bulan daripada bulan Suria selepas 30 tahun. Maka 230 tahun sebelum Hijrah, bulan Rabiul jatuh dalam bulan Februari/March, bulan Jamadil jatuh dalam bulan April/Mei, Ramadan jatuh dalam bulan Julai/Ogos dan Syawal jatuh dalam bulan September/Oktoper. Maka kita lihat di sini bahawa penamaan bulan-bulan tersebut selari dengan musim ketika itu.

### **SISTEM KALENDAR SEBELUM HIJRAH RASULULLAH S.A.W**

Tiada bukti yang menunjukkan bahawa orang Arab menukar sistem kalender Qamari-Suria mereka kepada jenis yang lain sebelum kedatangan Islam. Malah sistem kalendar ini terus digunakan ketika Rasulullah s.a.w berdakwah di Mekkah sebelum baginda s.a.w hijrah ke Madinah.

Memandangkan bulan-bulan dalam kalender Arab tidak selisih dengan bulan-bulan dalam kalender Masehi seperti yang tertera di jadual di atas, maka kita boleh menganggarkan tarikh Masehi bagi peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w sebelum baginda hijrah ke Madinah.

### Kehancuran Tentera Abrahah

Abrahah memerintah kawasan Yemen yang berada di bawah penguasaan Raja Negus yang memerintah Ethiopia. Mereka beragama Kristian. Antara perayaan keagamaan terpenting dalam kalender Kristian ialah perayaan Easter yang berlaku sekitar bulan April. Ia bertepatan dengan musim haji bagi orang-orang Arab (sekitar bulan March dan April). Abrahah ingin menarik orang Arab untuk mengunjungi Yemen dan bukan Mekkah agar dapat menaikkan lagi ekonomi negaranya. Maka dia membina sebuah gereja untuk menandingi Kaabah.

Seorang Qalmasah yang tugasnya memaklumkan tentang penambahan bulan pada setiap musim haji pergi ke gereja tersebut dan mencampakkan najis di dalamnya. Mungkin dia tidak mahu Abrahah menarik orang-orang Arab daripada mengerjakan haji sehingga menjadikan ekonomi orang-orang Arab.

Abrahah marah dan menyiapkan tentera yang mempunyai seekor gajah untuk hancurkan Kaabah. Apabila tenteranya sampai di kawasan antara Arafah dan Mina, Allah s.w.t hancurkan tentera tersebut.

Pencemaran gereja Abrahah oleh Qalmasah tersebut kemungkinan besar berlaku dalam musim perayaan Easter, bersamaan dengan bulan Zulhijjah. Abrahah tiba di Mekkah dalam bulan Muharam atau Safar tahun berikutnya dan kemudian dihancurkan oleh Allah s.w.t. Maka peristiwa kehancuran tentera Abrahah berlaku sekitar bulan **April** atau **Mei 570 M**. Orang Arab menamakan tahun tersebut sebagai Tahun Gajah, sempena dengan peristiwa Abrahah ini. Rasulullah s.a.w lahir dalam bulan Rabiul Awal sebulan dua selepas peristiwa ini.

### Kelahiran Rasulullah s.a.w

Rasulullah s.a.w memaklumkan bahawa baginda lahir dan wafat pada tarikh yang sama. Kewafatan baginda s.a.w adalah pada 12 Rabiul Awal. Maka kelahiran Rasulullah s.a.w juga pada 12 Rabiul Awal, bersamaan dengan bulan Jun. Perkiraan astronomi menunjukkan bahawa ijtimaik Bulan berlaku pada hari Khamis 19 Jun 570. Maka 12 Rabiul Awal jatuh pada hari **Isnin, 30 Jun 570 M**.

### Wahyu Pertama

Mengikut riwayat yang paling sahih, Rasulullah s.a.w terima wahyu pertama dalam gua Hira' pada malam 17 Ramadan ketika umur baginda s.a.w 40 tahun. Ini bersamaan dengan tahun 610 M. Mengikut kalender Qamari-Suria orang Arab, Ramadan jatuh dalam bulan Disember. Ijtimaik untuk bulan Ramadan berlaku pada 21 November 610 M. Maka 17 Ramadan jatuh pada hari **Isnin, 7 Disember 610 M**.

### Isra' dan Mikraj

Mengikut pendapat ramai pencatat sejarah, peristiwa agung ini berlaku pada 27 Rejab setahun sebelum Rasulullah s.a.w Hijrah ke Madinah. Rasulullah s.a.w tiba di Madinah pada tahun 622 M. Maka Isra' dan Mikraj ini kemungkinan besar berlaku pada tahun 621 M. Rejab adalah pada bulan Oktober. Mengikut perkiraan, ijtimaik berlaku pada 21 Sep. Maka 27 Rejab jatuh pada hari **Isnin, 17 Oktober 622 M**.

## SISTEM KALENDAR SELEPAS HIJRAH

Penentuan tarikh bagi peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan umat Islam di Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w selepas hijrah telah dipermudahkan dengan peristiwa gerhana. Mengikut perkiraan, gerhana matahari berlaku dua kali ketika Rasulullah s.a.w berada di Madinah. Tarikh-tarikhnya ialah:

1. 21 April 627 M : Gerhana penuh
2. 27 Jan 632 M : Gerhana cincin

Sejarah tidak mencatatkan apa-apa peristiwa penting apabila gerhana berlaku pada tahun 627 M. Namun, semua ahli sejarah sepakat bahawa anak Rasulullah s.a.w, Ibrahim, wafat pada tahun ke 10 H pada penghujung bulan Syawal. Sejurus selepas dia dikebumikan, penduduk Madinah menyaksikan gerhana matahari. Tahun 10 H adalah bersamaan dengan tahun 632 M. Dan gerhana hanya boleh berlaku pada penghujung bulan Qamari. Maka tarikh 27 Jan 632 M adalah bersamaan dengan **Isnin, 29 Syawal 10 H.**

Berdasarkan tarikh gerhana cincin ini, jika kita unjur ke belakang menggunakan sistem kalender Qamari, kita akan dapati bahawa ketibaan Rasulullah s.a.w di Quba, Madinah adalah pada hari **Isnin, 20 September 622 M** bertepatan dengan 8 Rabiul Awal 1 H. Dan 1 Muharam 1 H jatuh pada hari Jumaat 16, Julai 622 M.

Akan tetapi jika kita gunakan kalendar Qamari-Suria orang Arab, bulan September adalah bulan Jamadil Akhir. Bukan Rabiul Awal. Bulan Rabiul Awal jatuh dalam bulan Jun.

Tiada rekod sejarah yang mencatatkan bahawa orang Islam tukar sistem kalender daripada Qamari-Suria kepada Qamari sejurus sebelum Rasulullah s.a.w tiba di Madinah. Secara logik, penukaran ini juga mustahil berlaku. Perbezaan 3 bulan antara kalendar Qamari di Madinah dan kalendar Qamari-Suria bagi keseluruhan Tanah Arab akan membawa kekecohan ekonomi dan menjelas rangka kerja antara orang-orang Islam dan bukan Islam. Tambahan pula, sudah pasti orang-orang Yahudi di Madinah tidak akan setuju kerana mereka ikut kalendar Qamari-Suria orang Arab yang sama dengan kalendar Qamari-Suria mereka.

Maka tarikh ketibaan Rasulullah s.a.w di Madinah dan awal Muharam tahun 1 Hijrah perlu diubah. Mengikut sistem kalendar Qamari-Suria orang Arab, ijtima' yang berlaku pada bulan Rabiul Awal ialah 14 Jun 622 M. Maka 8 Rabiul Awal 1 H jatuh pada hari Selasa, 22 Jun 622 M. Sejarah mencatatkan bahawa Rasulullah s.a.w tiba di Quba' pada hari Isnin. Mungkin berlaku sedikit kesilapan dalam penetuan awal bulan Rabiul Awal pada tahun tersebut sehingga menyebabkan 8 Rabiul Awal jatuh pada hari Isnin. Ataupun mungkin Rasulullah s.a.w tiba di Madinah pada 7 Rabiul Awal bukan 8. Ataupun mengikut perhitungan orang Arab di Madinah ia adalah 8 Rabiul Awal bukan 7 Rabiul Awal. Semua kemungkinan ini boleh berlaku kerana orang Arab ketika tersebut memang ramai yang tidak tahu menghitung maka tidak begitu ambil peduli dengan ketepatan tarikh bagi setiap hari.

## TARIKH-TARIKH PENTING SELEPAS HIJRAH

Tiada hadith dan rekod yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w memerintahkan para sahabat agar tukar sistem kalendar Qamari-Suria kepada sistem Qamari selepas baginda s.a.w tiba di Madinah. Oleh itu, kita boleh anggap bahawa kalendar Qamari-Suria yang orang Arab telah gunakan selama 200 tahun, terus digunakan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat di Madinah. Maka tarikh-tarikh bagi peristiwa-peristiwa penting yang berlaku selepas Hijrah di bawah ini adalah mengikut sistem kalendar Qamari-Suria orang Arab.

### Peperangan Badar

Ia berlaku pada 17 Ramadan 2 H. Ia bermula apabila umat Islam mengetahui ada satu rombongan dagangan orang Quraisy yang dipimpin oleh Abu Sufyan sedang dalam perjalanan dari Syam ke Mekkah. Rasulullah s.a.w mengutus sekumpulan kecil sahabat untuk menunjukkan kepada orang Quraisy bahawa ekonomi mereka boleh diganggu oleh orang Islam sekiranya mereka terus mengganggu ekonomi masyarakat Islam di Madinah.

Rombongan dagangan itu dipimpin oleh Abu Sufyan. Dia mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah hantar orang kepada rombongannya dan dia sangka rombongan itu akan mencuri barang dagangannya seperti yang kerap berlaku pada banyak rombongan dagangan puak Arab lain. Maka dia berjaya mengambil jalan lain dan elak dari bertembung dengan rombongan para sahabat tersebut. Dan dia utus orang untuk cepat kembali ke Mekkah dan minta pertolongan.

Abu Jahal lalu menyiapkan tentera besar untuk menghadapi umat Islam. Apabila Rasulullah s.a.w dapat tahu rencana ini, baginda s.a.w pun siapkan tentera. Pada 17 Ramadan 2 H berlaku pertempuran antara kedua-dua pihak.

Mengikut kalendar Qamari-Suria, Ramadan berlaku pada bulan Disember. Ini faktor penting yang memudahkan orang Quraisy keluar berperang kerana ia adalah Musim Dingin.

Tahun pertama Hijrah bermula pada bulan April 622 M. Maka Ramadan tahun kedua Hijrah berlaku pada Disember 623 M. Mengikut perkiraan, ijtimak berlaku pada 28 November. Maka peperangan Badar berlaku pada **Selasa, 13 Disember 623 M.**

Tetapi yang menjadi kemesyikilan ialah bagaimana rombongan dagangan Abu Sufyan boleh pulang daripada Syam pada bulan November sedangkan perjalanan dagangan orang Mekkah dari Syam adalah pada bulan-bulan Julai hingga Ogos? Dan perjalanan dagangan mereka ke Yemen adalah pada bulan November dan Disember?

Mungkin rombongan dagangan Abu Sufyan ini adalah khusus untuk perniagaan tertentu dan bukan ikut musiman dagangan. Ini disokong dengan fakta bahawa tiada lagi rombongan yang datang dari Syam ketika tersebut melainkan rombongan Abu Sufyan sahaja. Sekiranya peristiwa ini berlaku dalam bulan Julai-Ogos, sudah pasti sejarah akan catat bahawa banyak rombongan dagangan yang sedang berjalan menuju ke Mekkah ketika itu.

### Puasa 10 Muharam

Sebelum turunnya ayat yang mewajibkan puasa pada bulan Ramadan pada tahun kedua Hijrah, Rasulullah s.a.w memerintahkan umat Islam untuk berpuasa pada hari kesepuluh Muharam. Antara sebabnya yang disebut dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim adalah hadith berikut:

عَنْ سَعِيدٍ بْنِ جُبَيرٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فَقَالَ: مَا هَذَا؟ قَالُوا: هَذَا يَوْمُ صَالِحٍ نَجَّى اللَّهُ فِيهِ بَنَي إِسْرَائِيلَ مِنْ عَدُوِّهِمْ فَصَامُهُ مُوسَى. قَالَ: فَأَنَا أَحَقُّ بِمُوسَى مِنْكُمْ. فَصَامَهُ وَأَمَرَ بِصَيَامِهِ.

*Maksudnya: Daripada Sa'id bin Jubair, daripada Ibn Abbas r.a: Apabila Rasulullah s.a.w tiba di Madinah, baginda s.a.w mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari kesepuluh Muharam. Maka baginda s.a.w tanya mereka, "Puasa apakah ini?" Mereka jawab, "Ini adalah hari yang baik di mana Allah s.w.t menyelamatkan Bani Israel daripada musuh mereka, maka Musa a.s berpuasa." Rasulullah s.a.w bersabda, "Aku lebih berhak daripada kamu (dalam memperingati) Musa a.s." Maka Rasulullah s.a.w berpuasa dan memerintahkan umat Islam agar berpuasa.*

Dalam ugama Yahudi, terdapat puasa yang dilakukan oleh anak lelaki sulung pada hari ke 14 dalam bulan Nisan ikut kalender mereka. Puasa ini dinamakan sebagai Fast of the First-Born dan ia adalah untuk menunjukkan rasa syukur kepada Tuhan yang telah menyelamatkan anak lelaki sulung mereka daripada mati sehari sebelum peristiwa mereka terselamat daripada Fir'aun. Perayaan bagi peristiwa tersebut dinamakan sebagai Pesach. Kemungkinan inilah puasa yang dilakukan oleh orang Yahudi pada 10 Muharam pada tahun kedua Hijrah.

Mengikut kalender Qamari-Suria orang Arab, bulan Muharam adalah bersamaan dengan bulan April. Dan mengikut kalender Qamari-Suria orang Yahudi, bulan Nisan juga berlaku pada bulan April. Tarikh 14 Nisan pada tahun tersebut jatuh pada hari **Isnin, 24 March 623 M**. Kemungkinan besar tarikh ini juga ialah 10 Muharam 1 H.

### Peperangan Tabuk

Peperangan ini disebut dalam Al-Quran bahawa ia berlaku ketika cuaca panas (at-Taubah, 81). Sejarah mencatatkan bahawa ia berlaku pada bulan Rejab, 9 H. Sejarah juga mencatatkan bahawa Musim Panas pada tahun tersebut agak luar biasa panasnya dan ini menyebabkan tuaian kurma yang lebih banyak daripada biasa. Penuaan buah kurma bermula pada bulan Ogos sehingga November.

Sejarah juga mencatatkan bahawa ada di kalangan orang Islam termasuk juga kaum munafiq yang keberatan hendak keluar berperang kerana Musim Panas tahun tersebut luar biasa panasnya maka sudah pasti banyak telaga air dalam perjalanan sudah kering. Lagipun, limpahan tuaian kurma adalah lebih daripada biasa maka para pekebun disibukkan dengan tuaian dan penjualan kurma. Berjihad akan menjelas rutin mereka menuai kurma.

Rasulullah s.a.w mula keluar dari Madinah pada akhir Jamadil Akhir atau awal Rejab bagi peperangan Tabuk. Ini bersamaan dengan bulan **September**, selepas tuaian buah kurma yang biasa

dibuat dalam bulan Ogos-September. Panas masih lagi mengigit dan belum cukup reda. Kita tahu kerana Al-Quran menyatakan demikian.

### Haji Wada'

Rasulullah s.a.w mengerjakan haji perpisahan (wada') pada tahun 10 H. Mengikut kalendar Qamari-Suria orang Arab, Zulhijjah berlaku pada bulan March. Mengikut perkiraan, ijtima' berlaku pada 26 Februari 632 M. Maka wuquf di Arafah jatuh pada hari **Jumaat, 6 March 632 M.**

### Kewafatan Rasulullah s.a.w

Sejarah mencatatkan bahawa Rasulullah s.a.w wafat pada hari Isnin, 12 Rabiul Awal 11 H. Ini bersamaan dengan **8 June 632 M.**

## **PEMBATALAN KALENDAR QAMARI-SURIA**

Pada tahun ke 10 H, Allah s.w.t menurunkan perintah membatalkan perbuatan menambah bulan yang ketiga-belas dalam sistem kalendar Qamari-Suria dan menekankan bahawa bilangan bulan dalam setahun hanya ada 12 sahaja. Ayat tersebut bermaksud:

*Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka pun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*

*Sesungguhnya perbuatan Nasi' (menambah bulan yang ketiga-belas) adalah penambahan dalam kekafiran. Disesatkan orang-orang yang kafir dengan perbuatan tersebut, mereka menghalalkan (bulan haram) pada suatu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, agar mereka dapat mempersesuaikan dengan bilangan yang Allah mengharamkannya, maka mereka menghalalkan apa yang dibaramkan Allah. (Syaitan) menjadikan mereka memandang perbuatan mereka yang buruk itu. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.*

*(Surah at-Taubah, 36-37)*

Ayat ini dengan jelas memerintahkan umat Islam untuk meninggalkan sistem kalendar Qamari-Suria dan kembali kepada sistem kalendar Qamari semata-mata.

Sepanjang Rasulullah s.a.w berada di Madinah, terdapat 3 tahun di mana terdapat 13 bulan. Oleh kerana itu, pada penghujung kehidupan Rasulullah s.a.w, bermula daripada tahun 9 H, kalendar Qamari-Suria yang digunakan oleh orang Arab bertembung dengan kalendar Qamari dan bulan-bulan mereka jatuh pada bulan Masehi yang sama.

Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w menyampaikan pesanan ketika menyampaikan khutbah pada hari raya haji perpisahan baginda s.a.w yang bermaksud:

*Sesungguhnya peredaran waktu telah kembali seperti mana ia berlaku ketika diciptakan langit dan bumi. Setahun ada 12 bulan.*

*(Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Rasulullah s.a.w dengan jelas menyatakan di sini bahawa sistem kalendar yang semula jadi ialah yang bergantung kepada peredaran Matahari mengelilingi Bumi yang mempunyai 12 bulan (kalendar Suria), dan kepada peredaran Bulan mengelilingi Bumi yang mempunyai 12 bulan (kalendar Qamari). Usaha percampuran antara dua sistem kalendar itu terdedah kepada permainan kehendak manusia, sama ada ingin menambah bulan ketiga-belas pada tahun ini atau tahun itu. Dan ini lebih ketara di kalangan orang Arab kerana mereka menghormati 4 bulan yang mereka tidak berperang didalamnya. Ada kalanya mereka menambah bulan ketiga-belas selepas bulan Zulhijjah agar bulan Muharam yang sepatutnya berlaku selepas bulan Zulhijjah tertangguh sebulan. Mungkin kerana mereka hendak berperang pada bulan tersebut. Ada kalanya mereka menambah bulan ketiga-belas selepas bulan Muharam.

Selain daripada mengembalikan kalendar umat Islam kepada sistem kalendar semulajadi yang tidak terdedah dengan keinginan dan hawa nafsu manusia, kemungkinan juga kerana Islam mahu pisahkan musim haji daripada menjadi aktiviti perniagaan seperti yang telah berlaku. Sebelum itu, orang Arab menetapkan musim haji pada Musim Bunga untuk mengambil manfaat daripada pasar-pasar yang didirikan di Yemen pada Musim Sejuk dan pasar-pasar yang didirikan di Syam pada Musim Panas. Apabila dipisahkan musim haji daripada musim perniagaan, musim haji dikhususkan untuk ibadat sahaja.

Antara bukti yang menujukkan bahawa umat Islam tidak lagi amalkan perbuatan menambah bulan ketiga-belas ialah tarikh Peperangan Yarmuk. Peperangan ini dicatat oleh ahli sejarah berlaku pada 15 Ogos 636 M. Ibn Kathir dalam kitab Bidayah wa Nihayah menukil pendapat yang paling tepat bahawa peperangan ini berlaku pada awal bulan Rejab tahun ke 15 H. Perkiraan dengan sistem kalendar Qamari meunjukkan bahawa kedua-dua tarikh Masehi dan Hijrah itu betul. 15 Ogos 636 M adalah bersamaan dengan 7 Rejab 15 H.

Sekiranya umat Islam terus gunakan kalendar Qamari-Suria orang Arab dan melanggar arahan Al-Quran dan perintah Rasulullah s.a.w, maka peperangan ini berlaku bukan dalam bulan Rejab tetapi dalam bulan Jamadil Awal.

## **PENUTUP**

Orang Arab memulakan kalendar mereka dengan jenis Qamari tetapi kemudian menukarannya kepada jenis Qamari-Suria agar ia selari dengan musim perniagaan mereka melalui pasar-pasar besar yang dibangunkan untuk mengambil manfaat tiupan angin tahunan di kawasan Timur Tengah. Kalendar baru mereka ini juga selari dengan jenis kalendar orang-orang Yahudi yang tinggal bersama mereka.

Sistem kalendar ini terdedah kepada penyelewengan dan kehendak Qalmasah yang dilantik untuk menentukan bilakah penambahan bulan ketiga-belas boleh dibuat.

Pada akhir kehidupan Rasulullah s.a.w, Allah s.w.t memerintahkan agar sistem kalendar umat Islam dikembalikan kepada asal, iaitu kalendar Qamari. Dan umat Islam keseluruhannya terus menggunakan sistem ini untuk penentuan puasa dan haji. Tiada satu rekod pun dalam sejarah di mana umat Islam atau segolongan daripada mereka menetapkan puasa dan haji hanya pada bulan-bulan tertentu Masehi.